

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Agro Madani. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah produk ini?

- Produk ini adalah eksklusif untuk pelanggan Bank Pertanian Malaysia Berhad [200801010522 (811810-U)] (“Agrobank”) yang menyediakan gabungan perlindungan Takaful Bertempoh Berkelompok (Group Term Takaful “GTT”) dan Takaful Perlindungan Diri Berkelompok (Group Personal Accident “GPA”).
- GTT menyediakan perlindungan terhadap kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal (“KMK”) termasuk penyakit yang membawa maut akibat semula jadi. Di samping itu, ia juga melindungi penyakit kritikal dengan memberi bayaran pendahuluan apabila Orang Yang Dilindungi didiagnos salah satu daripada tiga puluh sembilan (39) penyakit kritikal yang dilindungi, tertakluk pada tempoh menunggu. Sebarang pembayaran terhadap penyakit kritikal akan mengurangkan jumlah perlindungan di bawah GTT.
- GPA menyediakan perlindungan terhadap kematian, keilatan kekal dan manfaat lain yang hanya disebabkan oleh kemalangan.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu asset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (“ATKB”) dan Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- Ju’alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [No. Pendaftaran: 198401019089 (131646-K)] dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebih boleh agih daripada ATKB dan DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan ATKB dan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada ATKB dan/atau DTA tanpa faedah sekiranya ATKB dan/atau DTA mengalami defisit.
- Tabarru’** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada ATKB dan DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada ATKB dan DTA.
- Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan ATKB dan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

### 3. Apakah pelan/perlindungan yang disediakan?

- Terdapat tiga (3) jenis pelan:

Pelan	Berlian	Emas	Zamrud
<b>Manfaat-manfaat GTT</b>	<b>Jumlah Perlindungan (RM)</b>		
1. Kematian/ KMK akibat Semula Jadi	25,000	15,000	5,000
2. Perbelanjaan Pengebumian (Kematian akibat Semua Jadi)	5,000	3,000	1,000
3. Penyakit Kritikal (Dipercepatkan)	10,000	7,500	2,500
<b>Manfaat-manfaat GPA</b>	<b>Jumlah Perlindungan (RM)</b>		
1. Kematian akibat Kemalangan	50,000	30,000	10,000
2. Keilatan Kekal akibat Kemalangan	50,000	30,000	10,000
3. Perbelanjaan Pengebumian (akibat Kemalangan Maut)	5,000	3,000	1,000
4. Kecurian Ragut	500	500	500
5. Elaun Kerusi Roda / Alat Ortopedik	500	500	500
6. Bantuan Kewangan untuk Kecederaan Tubuh Badan akibat Bencana Alam	2,000	2,000	2,000
7. Yuran Ambulans	300	300	300

Nota:

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Jika anda ingin meneruskan perlindungan untuk tahun berikutnya, anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

b. Berikut adalah penerangan ringkas manfaat-manfaat yang ditawarkan di bawah produk ini:

Penerangan	
Manfaat-manfaat GTT	
1. Kematian / KMK akibat Semula Jadi	Sekiranya berlaku kematian atau KMK akibat semula jadi kepada Orang Yang Dilindungi, bayaran sekaligus berdasarkan Jumlah Perlindungan akan dibayar.
2. Perbelanjaan Pengebumian (Kematian akibat Semula Jadi)	Apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat Semula Jadi, Kami akan membayar Perbelanjaan Pengebumian mengikut jumlah yang ditetapkan, sebagai tambahan kepada manfaat Kematian.
3. Penyakit Kritikal (Dipercepatkan)	<p>Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidap Penyakit Kritikal seperti yang ditakrifkan di dalam sijil induk dalam tempoh perlindungan, tetapi selepas tempoh menunggu, Kami akan membayar Jumlah Perlindungan bagi manfaat Penyakit Kritikal.</p> <p>Untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk perlindungan penyakit arteri koronari di bawah kejadian Penyakit Kritikal, jumlah pembayaran adalah sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Perlindungan manfaat Kematian / KMK. Pembayaran tersebut tidak akan membatalkan manfaat ini, tetapi akan mengurangkan jumlah perlindungan manfaat ini dengan sewajarnya.</p> <p>Selepas pembayaran manfaat ini, Jumlah Perlindungan bagi manfaat Kematian / KMK juga akan dikurangkan dengan jumlah sama manfaat yang dibayar.</p>
Manfaat-manfaat GPA	
1. Kematian akibat Kemalangan	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan dengan syarat kematian tersebut berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
2. Keilatan Kekal akibat Kemalangan	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan mengikut peratusan seperti yang dinyatakan dalam Skala Tanggung Rugi sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami Keilatan Kekal akibat kemalangan dengan syarat ianya berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
3. Perbelanjaan Pengebumian akibat Kemalangan Maut	Kami akan membayar Perbelanjaan Pengebumian mengikut jumlah yang ditetapkan, sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, dengan syarat tuntutan itu boleh dibayar di bawah manfaat Kematian akibat Kemalangan.
4. Kecurian Ragut	<p>Kami akan membayar Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan badan yang disebabkan oleh kecurian ragut atau rompakan.</p> <p>Tertakluk kepada satu (1) kemalangan sahaja untuk setiap tempoh perlindungan setahun.</p> <p>Laporan polis mesti dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kemalangan berlaku.</p>
5. Elaun Kerusi Roda / Alat Ortopedik	Kami akan membayar balik sehingga Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk pembelian peralatan ortopedik (termasuk kerusi roda, tongkat dan lengan/kaki palsu) yang diperlukan setelah berlakunya kemalangan, jika disyorkan oleh pengamal perubatan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
6. Bantuan Kewangan Kecederaan Badan akibat Bencana Alam	Kami akan membayar balik bil perubatan atau perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi sekiranya berlaku kecederaan badan akibat bencana alam atau sehingga Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), yang mana lebih rendah.

7. Yuran Ambulans	Kami akan membayar balik sehingga Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) untuk setiap kemalangan setahun bagi perkhidmatan ambulans (termasuk atendan) untuk membawa Orang Yang Dilindungi ke/dari hospital akibat kemalangan.
-------------------	---

Nota:

Penerangan di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil induk untuk terma dan syarat penuh.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan tahunan ditentukan berdasarkan jenis pelan yang anda pilih.

Pelan	Berlian	Emas	Zamrud
Sumbangan Tahunan untuk GTT	RM 132.45	RM 86.60	RM 30.60
Sumbangan Tahunan untuk GPA	RM 112.10	RM 66.25	RM 30.60
<b>Jumlah Sumbangan Tahunan (termasuk 8% Cukai Perkhidmatan)</b>	<b>RM 244.55</b>	<b>RM 152.85</b>	<b>RM 61.20</b>

#### 5. Apakah caj dan yuran yang saya perlu bayar?

Yuran dan caj berikut dikenakan:

Jenis	GTT	GPA
<b>Yuran Wakalah</b>	28% daripada Sumbangan Tahunan yang mana: i. Komisen – 10% ii. Perbelanjaan lain – 18%	60% daripada Sumbangan Tahunan yang mana: i. Komisen – 25% ii. Perbelanjaan lain – 35%
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	8% daripada Sumbangan Tahunan	8% daripada Sumbangan Tahunan

Duti setem berjumlah RM10.00 akan ditanggung oleh pihak Agrobank.

#### 6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

##### a. Tanggungjawab Pendedahan

###### Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

###### Kontrak Takaful Komersial

Kontrak Takaful Komersial Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- b. **Perubahan Risiko** - Anda mesti memaklumkan kepada Agrobank secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan dikemas kini ke dalam sijil anda.
- c. **Kelayakan**  
Orang Yang Layak:
- Rakyat Malaysia;
  - Pemastautin Tetap di Malaysia; dan/atau
  - Pelanggan Agrobank.

Had Umur (umur hari jadi seterusnya semasa permulaan perlindungan):

- Umur kemasukan minimum: lapan belas (18) tahun;
- Umur kemasukan maksimum: enam puluh (60) tahun;  
Boleh diperbaharui sehingga umur enam puluh lima (65) tahun.

Untuk manfaat GPA, orang yang terlibat dalam pekerjaan yang berisiko tinggi atau terdedah kepada keadaan berbahaya **TIDAK DILINDUNGI** semasa menjalankan kerja mereka atau semasa bertugas. Contohnya kakitangan syarikat penerbangan, pekerja penerbangan, pekerja kapal, anggota tentera (tentera darat, tentera laut dan tentera udara), mana-mana pasukan penguatkuasa undang-undang, anggota polis, pengawal keselamatan bersenjata, bomba, nelayan, penyelam, pelumba permotoran dan ahli sukan profesional semasa terlibat dalam aktiviti perlumbaan/sukan profesional, pekerja pelabuhan, pekerja perobohan bangunan, pelumba kuda, pekerja pembalakan, pekerja pelantar minyak, pekerja kuari, pekerja terowong bawah tanah dan lombong, pekerja penyelamat marin, individu yang terlibat secara langsung dalam membuat atau mengendalikan bahan letupan atau peluru atau bunga api, penebang pokok, pembersih tingkap bangunan tinggi dan penunggang penghantaran.

- d. **Tunai sebelum Perlindungan** – Sumbangan penuh mesti dibayar kepada kami sebelum perlindungan boleh diberikan.
- e. **Tuntutan** - Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Agrobank secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan kecederaan atau kerugian tersebut.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil induk untuk terma dan syarat penuh.

## 7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Pengecualian utama berkaitan dengan manfaat-manfaat GTT:

- Kematian/KMK akibat semula jadi
  - KMK Orang yang Dilindungi yang telah wujud pada Tarikh Kuatkuasa; atau
  - Cubaan membunuh diri atau kecederaan secara sengaja, ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit Kritikal (Dipercepatkan)
  - Penyakit sedia ada; atau
  - Sebarang keadaan yang wujud atau didiagnos semasa Tempoh Menunggu atau selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau didiagnos semasa Tempoh Menunggu, kecuali Penyakit Kritikal yang disebabkan kecederaan.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil induk untuk terma dan syarat penuh.

Pengecualian utama berkaitan dengan manfaat-manfaat GPA:

- Kecacatan atau keilatan fizikal atau mental yang sedia ada;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- Kesan atau pengaruh dadah atau alkohol;
- Pembunuhan atau serangan provokasi;

- e. Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau jenayah dan/atau;
- f. Semasa menyertai sukan profesional dan/atau aktiviti berbahaya seperti mendaki gunung, mendaki batu atau tebing, hoki ais, bermain polo kuda, sukan musim sejuk, sukan kapal layar, sukan berjalan dalam gua dan mendaki gua, aktiviti meluncur air, terjun udara, terjun tebing, lompat "bungee" dll.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil induk untuk senarai penuh pengecualian.

**8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Agrobank. Setelah pembatalan, anda berhak menerima pengembalian sumbangan di bawah GTT yang dikira berdasarkan nisbah pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat dari tarikh pembatalan sehingga tarikh tamat perlindungan dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil sepanjang tempoh akaful semasa. Walau bagaimanapun, tidak akan ada pengembalian sumbangan di bawah GPA.

**9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada mana-mana cawangan Agrobank untuk sebarang perubahan maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda juga boleh menghubungi Agrobank di:

Bank Pertanian Malaysia Berhad [200801010522 (811810-U)]  
Jabatan Khidmat Pelanggan,  
Leboh Pasar Besar,  
Peti Surat 10815,  
50726, Kuala Lumpur  
Emel: [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)  
No. Tel: 1-300-88-2476 (Dalam Malaysia), +603-2079 0600 (Luar Negara)

**10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang GTT di bawah produk ini, sila hubungi:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]  
Tingkat 27, Blok Annex,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11483,  
50746 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300 88 252 385  
Emel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang GPA di bawah produk ini, sila hubungi:

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]  
Tingkat 27, Blok Annex,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11483,  
50746 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300 88 252 385  
Emel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

**11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.**

Sila rujuk laman web Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan laman web kami di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANAFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI.**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA PRODUK INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN PEGAWAI AGROBANK ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] untuk GTT dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] untuk GPA yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada Mac 2024.